From: Jabatan Komunikasi Korporat
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: PUSAT PENGURUSAN TVET UUM-KDEBWM RAIH DANA RM50,000 BAGI PELAKSANAAN PROGRAM SKM-PPT DI PULAU PINANG
Date: Thursday, 17 September, 2026 10:10:25 AM
Attachments: image001.png
image009.png

Jabatan Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION DEPARTMENT
Universiti Utara Malaysia

UUM TODAY

UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA | THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY

17 SEPTEMBER 2026 / 5 RABIULAKHIR 1448H
==========

Berita oleh: Hana Fatimah Binti Kamarul Bahrin
Gambar oleh: Prof. Madya Ts Dr. Hj. Shanusi Hj. Ahmad

PUSAT PENGURUSAN TVET UUM-KDEBWM RAIH DANA RM50,000 BAGI PELAKSANAAN PROGRAM SKM-PPT DI PULAU PINANG



UUM ONLINE: Pulau Pinang, 24 Ogos 2026 **–** Pusat Pengurusan TVET UUM-KDEBWM dengan kerjasama HUMEX Skills Development Sdn. Bhd. berjaya memperoleh dana berjumlah RM50,000 daripada ICU JPM bagi melaksanakan Program Persijilan Kemahiran Malaysia melalui kaedah Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (SKM-PPT) di Pulau Pinang.

Kejayaan tersebut dizahirkan menerusi penerimaan surat rasmi bertarikh 24 Ogos 2026 (Ruj: UPP: BPBPBP/177/674/6 JLD.6 (15)), Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU JPM) memaklumkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Majlis Pembangunan Bumiputera Pulau Pinang Bilangan 3 Tahun 2026 telah meluluskan peruntukan sebanyak RM50,000 bagi pelaksanaan program TVET berkenaan dengan kerjasama strategik UUM.

Program rintis yang dijangka dilaksanakan pada bulan Oktober 2026 itu telah diluluskan bagi memberikan peluang kepada rakyat Pulau Pinang memperoleh persijilan kemahiran yang diiktiraf, sekali gus meningkatkan tahap kompetensi dan daya saing mereka dalam pasaran pekerjaan.

Pengarah Pusat Pengurusan TVET UUM-KDEBWM, Prof. Madya Ts. Dr. Haji Shanusi bin Haji Ahmad berkata, para peserta dijangka memperoleh Sijil Kemahiran

Malaysia Tahap 3 dalam bidang Pendidikan Awal Kanak-Kanak setelah mengikuti program tersebut selama tiga bulan.

Program berkenaan bukan sahaja menyediakan laluan pengiktirafan kemahiran kepada peserta, malah memperluas akses masyarakat terhadap pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional (TVET) yang lebih inklusif serta berorientasikan keperluan industri.

Pengarah HUMEX Skills Development Sdn. Bhd., Puan Zainisah binti Abdullah pula berkata, kolaborasi tersebut berpotensi menjadi pemangkin kepada usaha kerajaan dalam memperluas peluang latihan TVET dan persijilan kemahiran kepada rakyat.

Sementara itu, ICU JPM akan bertindak sebagai agensi pemantau bagi memastikan pelaksanaan program berjalan dengan teratur serta mencapai objektif dan hasil yang telah ditetapkan.

Kejayaan memperoleh dana tersebut membuktikan bahawa usaha yang dimulakan sejak Jun 2026 telah membuahkan hasil. Pada masa yang sama, pencapaian ini menyerlahkan kepentingan kerjasama strategik antara institusi akademik, industri dan agensi kerajaan dalam memperkukuh pembangunan modal insan berkemahiran di Malaysia.

Zms/jkk/2026



Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.